

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 10 Oktober 2024

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, OGOS 2024

Kadar pengangguran Ogos turun kepada 3.2 peratus, mencatatkan 558.5 ribu orang penganggur

PUTRAJAYA, 10 OKTOBER 2024 – Kadar pengangguran bulan Ogos turun kepada 3.2 peratus, mencatatkan 558.5 ribu orang penganggur, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan pada hari ini dalam siaran **Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Ogos 2024**. Statistik ini memperihalkan kedudukan penawaran buruh berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

Mengulas prestasi keseluruhan bagi bulan Ogos 2024, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Pasaran buruh pada bulan Ogos 2024 terus berkembang berikutan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan, dengan peningkatan berterusan dalam bilangan penduduk bekerja, manakala bilangan penganggur terus menurun begitu juga dengan kadar pengangguran. Dalam hal ini, bilangan tenaga buruh pada bulan Ogos 2024 terus mengukuh, dengan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.1 peratus merekodkan 17.22 juta orang (Julai 2024: 17.20 juta orang). Seperti yang direkodkan bulan lalu, kadar penyertaan tenaga buruh bulan Ogos kekal pada 70.4 peratus."

Selanjutnya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa bilangan penduduk bekerja menunjukkan peningkatan sebanyak 0.2 peratus kepada 16.66 juta orang pada bulan Ogos 2024, meningkat daripada 16.63 juta orang pada bulan Julai 2024. Sebaliknya, bilangan penganggur berkurang kepada 558.5 ribu orang, dengan penurunan sebanyak 0.9 peratus (Julai 2024: 563.7 ribu orang). Kadar pengangguran pada bulan Ogos 2024 turun sebanyak 0.1 mata peratus kepada 3.2 peratus setelah sembilan bulan mencatatkan kadar 3.3 peratus.

Mengulas lebih lanjut, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun turun sebanyak 0.1 mata peratus kepada 10.4 peratus, dengan 303.0 ribu penganggur belia (Julai 2024: 10.5%; 304.5 ribu orang). Begitu juga, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun berkurang sebanyak 0.1 mata peratus kepada 6.4 peratus, merekodkan 428.5 ribu penganggur belia berbanding bulan sebelumnya (Julai 2024: 6.5%; 433.1 ribu orang).

Pada masa yang sama, 80.0 peratus daripada jumlah penganggur adalah penganggur aktif atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan. Kumpulan ini merekodkan penurunan sebanyak 0.9 peratus kepada 446.6 ribu orang (Julai 2024: 450.7 ribu orang). Dalam kalangan panganggur aktif, 61.8 peratus adalah mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan, manakala 6.6 peratus adalah mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun. Begitu juga, mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia atau penganggur tidak aktif turun sebanyak 1.0 peratus merekodkan 111.9 ribu orang (Julai 2024: 113.0 ribu orang).

Menjelaskan lebih lanjut mengenai situasi guna tenaga, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Sebahagian besar penduduk bekerja didominasi oleh kategori pekerja, merangkumi 75.0 peratus. Pada bulan Ogos 2024, kategori ini menunjukkan peningkatan 0.2 peratus merekodkan 12.50 juta orang berbanding 12.48 juta orang pada bulan Julai 2024. Pada masa yang sama, kategori penduduk bekerja sendiri kekal pada trend positif dan meningkat sebanyak 0.3 peratus kepada 3.08 juta orang berbanding bulan lalu (Julai 2024: 3.07 juta orang)."

Mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan terus menunjukkan trend menaik, terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong & runcit; Perkhidmatan makanan & minuman; dan Pengangkutan & penyimpanan. Trend yang sama juga dilihat bagi guna tenaga dalam sektor Pembuatan, Pembinaan, Perlombongan & pengkuarian serta Pertanian.

Bagi kumpulan tidak aktif, bilangan penduduk di luar tenaga buruh menunjukkan sedikit penurunan iaitu sebanyak 0.01 peratus kepada 7.23 juta orang pada bulan Ogos 2024 (Julai 2024: 7.23 juta orang). Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga merupakan sebab utama bagi luar tenaga buruh (42.8%), diikuti oleh sebab bersekolah/ latihan (41.1%).

Mengakhiri kenyataan tersebut, pasaran buruh Malaysia dijangka kekal stabil bagi tempoh sepanjang tahun, dipacu oleh peningkatan dalam aktiviti pelancongan, perkembangan eksport dan inisiatif berkaitan pekerjaan di bawah pelbagai pelan induk negara. Prestasi tenaga buruh yang terus meningkat, mencerminkan keyakinan berterusan dalam pasaran pekerjaan serta ekonomi. Seiring dengan pertumbuhan ekonomi yang semakin kukuh dan pesat, prestasi tenaga buruh negara dijangka akan terus berada dalam kedudukan yang stabil serta mampu berkembang pada


bulan-bulan yang akan datang.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Carta 1: Penduduk bekerja, Malaysia, Ogos 2021 - Ogos 2024



Carta 2: Pengangguran, Malaysia, Ogos 2021 - Ogos 2024



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
10 OKTOBER 2024**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, October 10th 2024

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

LABOUR FORCE STATISTICS, MALAYSIA, AUGUST 2024

August's unemployment rate fell to 3.2 per cent, registering 558.5 thousand unemployed persons

PUTRAJAYA, OCTOBER 10, 2024 – August's unemployment rate fell to 3.2 per cent, registering 558.5 thousand unemployed persons, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release on **Statistics of the Labour Force, Malaysia, August 2024**. The statistics described the labour supply situation based on the Labour Force Survey conducted by DOSM.

Commenting on the overall performance for August 2024, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The country's labour market in August 2024 continued to expand following the encouraging economic growth, with a continuous increase in the number of employed persons, while the number of unemployed persons continues to decline as well as the unemployment rate. In this regard, the number of labour force in August 2024 strengthened further, with a month-on-month increase of 0.1 per cent to record 17.22 million persons (July 2024: 17.20 million persons). As recorded last month, August's labour force participation rate stood at 70.4 per cent.”

In addition, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated that the number of employed persons portrayed a growth of 0.2 per cent to 16.66 million persons in August 2024, up from 16.63 million persons in July 2024. On the contrary, the number of unemployed persons reduced to 558.5 thousand persons, with a decline of 0.9 per cent (July 2024: 563.7 thousand persons). The unemployment rate in August 2024 dropped by 0.1 percentage points to 3.2 per cent after nine months registering a rate of 3.3 per cent.

Commenting further, the unemployment rate for youth aged 15 to 24 decreased by 0.1 percentage points to 10.4 per cent, with 303.0 thousand unemployed youths

(July 2024: 10.5%; 304.5 thousand persons). Similarly, the unemployment rate for youth aged 15 to 30 also went down by 0.1 percentage points to 6.4 per cent, recording 428.5 thousand unemployed youth as compared to the previous month (July 2024: 6.5%; 433.1 thousand persons).

On the same note, 80.0 per cent of the total unemployed persons were actively unemployed or those who were available for work and were actively seeking jobs. This group recorded a decrease of 0.9 per cent to 446.6 thousand persons (July 2024: 450.7 thousand persons). Among the actively unemployed, 61.8 per cent were those who were unemployed for less than three months, whereas 6.6 per cent were those who had been in long-term unemployment for more than a year. Likewise, those who believed that there were no jobs available or the inactively unemployed fell by 1.0 per cent to record 111.9 thousand persons (July 2024: 113.0 thousand persons).

Elaborating on the employment situation, the Chief Statistician Malaysia said, “Most of the employed persons were dominated by the employees’ category, encompassing 75.0 per cent. In August 2024, this category showed a 0.2 per cent increase to record 12.50 million persons compared to 12.48 million persons in July 2024. In the meantime, the own-account workers category remained on its positive trend and rose by 0.3 per cent to 3.08 million persons as of last month (July 2024: 3.07 million persons).”

In terms of the economic sector, the number of employed persons in the Services sector continued its upward trend, particularly in Wholesale & retail trade; Food & beverage services; and Transportation & storage activities. Similar trends in employment were also observed in the Manufacturing, Construction, Mining & quarrying and Agriculture sectors.

As for the inactivity group, the number of persons outside the labour force showed a slight decline of 0.01 per cent to 7.23 million persons in August 2024 (July 2024: 7.23 million persons). Housework/ family responsibilities were the main reason for being outside the labour force (42.8%), followed by schooling/ training reasons (41.1%).

Concluding the statement, Malaysia’s labour market is expected to remain stable throughout the year, driven by an increase in tourism activities, export expansion and employment-related initiatives under the country’s various master plans. The performance of the labour force continues to improve, reflecting continued confidence in the job market as well as the economy. In line with the growing economy, the performance of the country’s labour force is foreseen to remain stable and capable of growth in the coming months.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agricultural Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development".

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Chart 1: Employed persons, Malaysia, August 2021 - August 2024





Chart 2: Unemployment, Malaysia, August 2021 - August 2024



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

10 OCTOBER 2024